

07 JUL 2003

Mohtar-Meninggal (Bergambar) (UPDATE 2)

MOHTAR ABDULLAH MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Mohtar Abdullah, 59, meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur pada pukul 10.40 pagi ini setelah berada dalam koma hampir enam bulan.

Jenazah allahyarham dibawa pulang ke rumahnya di No 34, Jalan SS 7/4, Kelana Jaya di mana keluarga, orang kenamaan dan rakan seperjuangan dari bidang kehakiman dan orang ramai memberikan penghormatan terakhir.

Antara kenamaan yang menziarah ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Yang lain termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Jenazah Mohtar dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara pada pukul 5.40 petang. Talqin dibacakan oleh rakan baiknya Omar Johari, 56 tahun.

Allahyarham, yang merupakan bekas Peguam Negara, diserang penyakit angin ahmar pada bulan Mac tahun lepas ketika menghadiri satu majlis rasmi di Kota Baharu, Kelantan.

Seorang anggota keluarganya berkata Mohtar dimasukkan ke Pusat Perubatan Subang Jaya awal tahun ini setelah terjatuh di bilik air rumahnya lalu koma.

Mohtar kemudian dipindahkan ke HKL pada bulan Mac, katanya.

Mohtar yang berasal dari Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Melaka lahir pada 7 Mei 1944. Allahyarham meninggalkan seorang isteri serta tiga orang anak.

Mohtar yang berkelulusan undang-undang dari University of Singapore telah menjejak kaki dalam bidang perundangan pada tahun 1971 apabila menjadi majistret di Kuala Lumpur.

Beliau dilantik sebagai Peguam Negara pada tahun 1994 dan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada awal tahun 2001.

Dr Rais ketika ditemui pemberita, berkata pemergian Mohtar adalah satu kehilangan kepada badan kehakiman khususnya kepada bidang perundangan negara.

"Saya telah mengenali beliau dalam tempoh beberapa dekad dan mendapati beliau adalah seorang daripada bekas peguam negara yang berkesan dalam menjalankan khidmatnya tanpa memilih bulu ataupun kedudukan," katanya.

Beliau berkata Mohtar sebagai peguam negara adalah menonjol dan tindakan perundangannya cemerlang.

-- BERNAMA

SLR AZZ RON